



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN
SUKU TAHUN KEDUA 2025

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP)
SECOND QUARTER OF 2025

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
SUKU TAHUN KEDUA 2025

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERTUMBUHAN EKONOMI MENURUN 0.3 PERATUS BAGI SUKU TAHUN KEDUA 2025

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus pada suku tahun kedua (Q2) 2025 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. KDNK menurun daripada BND4.64 bilion kepada BND4.63 bilion pada Q2 2025. Sektor Minyak dan Gas meningkat sebanyak 1.5 peratus, manakala, Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus.



2. Peningkatan Sektor Minyak dan Gas bagi Q2 2025 adalah terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran daripada telaga minyak sedia ada dan baharu. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli dan Gas Cecair Asli (LNG) menurun, berikutan aktiviti penyelenggaraan berjadual dan tidak berjadual.
3. Penurunan Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan subsektor-subsektor, termasuk Kewangan (15.3 peratus), Lain-Lain Pembuatan (24.9 peratus), Perdagangan Borong dan Runcit (3.7 peratus), dan Perkhidmatan Perniagaan (5.3 peratus).
4. Subsektor Kewangan menurun, didorong terutamanya oleh penurunan pendapatan aktiviti perbankan berikutan kadar faedah global yang lebih rendah. Subsektor Lain-lain Pembuatan mencatatkan penurunan selaras dengan pengurangan aktiviti pembaikan produk logam, mesin, dan peralatan, berikutan projek penyelenggaraan minyak dan gas yang hampir selesai. Begitu juga, Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit turut mencatatkan penurunan selaras dengan penurunan permintaan domestik. Sementara itu, Subsektor Perkhidmatan Perniagaan turut menurun selaras dengan pengurangan permintaan bagi perkhidmatan profesional, terutamanya aktiviti pengaturcaraan komputer.
5. Pada harga semasa, ekonomi pada Q2 2025 adalah sebanyak BND4.9 bilion, menurun daripada BND5.2 bilion pada Q2 2024. Sektor Bukan Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 50.5 peratus, termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia. Manakala, Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi perlombongan minyak dan gas, dan pembuatan gas cecair asli (LNG), menyumbang sebanyak 49.5 peratus.
6. Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q2 2025 adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 62.9 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan 35.8 peratus, dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.4 peratus.
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan meningkat sebanyak 12.0 peratus pada Q2 2025. Manakala, komponen lain mencatatkan penurunan, termasuk Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan yang menurun sebanyak 9.5 peratus, Pembentukan Modal Kasar (pelaburan aset fizikal) sebanyak 9.5 peratus, dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah 3.2 peratus.

8. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q2 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

SUKU KEDUA 2025



جباڤن فرانيغن ايكونومي دان ستاتيستيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

PERTUMBUHAN
KDNK


-0.3%

	Q2 2024	Q2 2025
Jumlah dalam BND juta pada harga tetap	4,640.3	4,626.4
Jumlah dalam BND juta pada harga semasa	5,162.2	4,870.1

KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%)
PADA HARGA SEMASA




PENYUMBANG UTAMA SEKTOR
BUKAN MINYAK & GAS




MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA



deps.mofe.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



@statistics.jpes


MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
SECOND QUARTER OF 2025

BRUNEI DARUSSALAM

ECONOMIC GROWTH CONTRACTED 0.3 PER CENT IN SECOND QUARTER 2025

1. *Brunei Darussalam's Gross Domestic Product (GDP) at constant prices recorded a contraction of 0.3 per cent in the second quarter (Q2) of 2025 compared to the same period last year. GDP declined from BND4.64 billion to BND4.63 billion in Q2 2025. The Oil and Gas Sector grew by 1.5 per cent, while the Non-Oil and Gas Sector registered a 1.8 per cent decline.*



2. *The expansion of the Oil and Gas Sector in Q2 2025 was primarily driven by higher crude oil production from both existing and new oil wells. However, natural gas and Liquefied Natural Gas (LNG) production declined, following scheduled and unscheduled maintenance activities.*
3. *The decline of the Non-Oil and Gas Sector was primarily attributed to a decline in the subsectors, including Finance (15.3 per cent), Other*

Manufacturing (24.9 per cent), Wholesale and Retail Trade (3.7 per cent), and Business Services (5.3 per cent).

- 4. The Finance Subsector contracted, mainly driven by lower income from banking activities, as a result of lower global interest rates. The Other Manufacturing Subsector recorded a decline, due to reduced activities in the repair of fabricated metal products, machinery, and equipment, following the near completion of oil and gas maintenance projects. Similarly, the Wholesale and Retail Trade Subsector posted a decline, consistent with reduced domestic demand. Meanwhile, the Business Services Subsector also declined due to weaker demand for professional services, particularly computer programming activities.*
- 5. At current prices, the economy in Q2 2025 stood at BND4.9 billion, down from BND5.2 billion in Q2 2024. The Non-Oil and Gas Sector accounted for 50.5 per cent, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products. Whereas the Oil and Gas Sector, comprises of oil and gas mining, and the manufacture of liquified natural gas (LNG), contributed 49.5 per cent.*
- 6. By economic activities, in terms of GDP contribution for Q2 2025, the Industry Sector has contributed 62.9 per cent, followed by Services Sector 35.8 per cent, and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.4 per cent.*
- 7. By the expenditure approach, Government Final Consumption Expenditure increased by 12.0 per cent in Q2 2025. Whereas other components registered a decline, including Net Exports of Goods and Services contracted at 9.5 per cent, Gross Capital Formation (physical asset investment) at 9.5 per cent, and Household Final Consumption Expenditure 3.2 per cent.*
- 8. Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q2 2025 is available from DEPS's website at deps.mofe.gov.bn.*

GROSS DOMESTIC PRODUCT

SECOND QUARTER 2025



جباتن فرانيچن ايكونومي دان ستاتيستيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM



GDP GROWTH


-0.3%

	Q2 2024	Q2 2025
Value in BND Million at constant prices	4,640.3	4,626.4
Value in BND Million at current prices	5,162.2	4,870.1

GROWTH RATE (%) AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES




NON-OIL & GAS SECTOR KEY CONTRIBUTORS




BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

GROWTH RATE (%) AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES



deps.mofe.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)